

# Gagal patuhi syarat, MPK kompaun 41 peniaga

KUANTAN - Seramai 41 peniaga termasuk pembantu bazar Ramadan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) dikompaun kerana gagal mematuhi syarat perniagaan sehingga kelmarin.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK, Izad Zainal Muhammad Safian berkata, lapan kesalahan yang dikesan adalah tidak memiliki kad kesihatan dan tidak memakai penutup mulut dan hidung seperti yang disyaratkan.

Menurutnya, pihaknya juga turut mengeluarkan 13 notis iaitu pemberitahuan secara bertulis supaya pengendali makanan dan minuman tidak mengulangi kesalahan terbabit selain 283 nasihat.

"Jika masih gagal patuhi syarat, tindakan kompaun akan dikenakan terhadap mereka sebagai pengajaran



Anggota penguat kuasa MPK melakukan pemeriksaan di bazar Ramadan bagi memastikan peniaga patuh pada peraturan yang ditetapkan.

supaya mereka mengutamakan kebersihan bagi mengelak pelanggan mengalami keracunan makanan.

"Dalam kes seperti ini MPK bertegas bagi memastikan peniaga mementingkan aspek kebersihan dan bukannya sekadar mengaut keuntungan semata-mata," katanya.

Izad Zainal berkata, pada tahun ini hampir 2,000 peniaga berniaga 36 tapak bazar Ramadan di bawah pen-

tadbiran MPK.

Tambahnya, pihaknya menempatkan kakitangan MPK di semua lokasi bazar untuk memudahkan urusan termasuk pengunjung yang ingin membuat aduan berkaitan peniaga.

"Oleh itu pengunjung yang tidak berpuas hati dengan peniaga boleh beri maklum balas bagi memudahkan MPK ambil tindakan sewajarnya," katanya kepada Sinar Harian.

9/06/2017  
Sinar Harian